



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

## Bahasa Tamil (912)



# BAHASA TAMIL 912/1

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 518 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.19% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.95	4.25	4.83	9.46	16.41	13.51	11.78	14.29	7.14	7.37	5.02

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Tiada pelajar yang mendapat markah penuh 30 bagi bahagian ini. Kebanyakan calon telah mendapat markah di antara 14 hingga 22. Terdapat juga segelintir pelajar yang mendapat markah kurang dari 10. Berdasarkan respons calon, kebanyakan soalan beraras sederhana kerana 50% calon sahaja dapat menjawab dengan betul.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Bacaan dan Kefahaman**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan bagaimana hutan membantu kepada kehidupan manusia berdasarkan kepada isi yang telah dibincangkan di dalam petikan. Calon sepatutnya mengemukakan satu isi dengan sempurna. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Hutan membantu kehidupan manusia dengan mengurangkan paras karbon dioksida dan meningkatkan biodiversiti.

(கரிவளி அளவைக் குறைத்து உயிர்வளி அளவை அதிகரிப்பதன் வாயிலாக காடுகள் மாந்தர் வாழ்வுக்கு உதவுகின்றன).

Sebahagian besar calon menjawab soalan dengan baik menggunakan gaya bahasa tersendiri. Terdapat juga calon yang tidak dapat membina ayat sendiri lalu menyalin semula jawapan daripada petikan. Contoh jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Hutan memberikan banyak manfaat kepada manusia. Hutan memainkan peranan penting dalam mengurangkan paras karbon dioksida dan meningkatkan biodiversiti.

(காடுகளால் மாந்தர்க்குப் பற்பல நன்மைகள் ஏற்படுகின்றன. கரிவளி அளவைக் குறைத்து உயிர்வளி அளவை அதிகரிப்பதில் காடுகள் முக்கியத்துவம் பெறுகின்றன).

## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menyatakan faedah-faedah yang diterima daripada hutan secara keseluruhannya berdasarkan kepada isi yang telah dibincangkan dalam petikan dengan konsis. Calon sepatutnya mengemukakan empat isi dengan sempurna. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Antara kegunaan sumber hutan kepada manusia adalah dijadikan bahan api, bahan mentah untuk tujuan pemprosesan, ubatan, dan sumber makanan.

(காடுகள் மனிதர்களுக்கு எரிபொருளாகப் பயன்படல், தளவாடங்களுக்குரிய மூலப்பொருளாகப் பயன்படல், மருந்துகளாகப் பயன்படல், உணவுகளை வழங்குதல் போன்ற பயன்களை வழங்குகின்றன).

Terdapat juga calon menjawab soalan dengan dengan menyalin semula jawapan yang diberikan dalam petikan tanpa pengolahan fakta dan menggunakan gaya bahasa tersendiri. Hal ini menunjukkan ketidakupayaan pelajar dalam membina ayat sendiri dengan yakin untuk memberikan pandangan dengan gaya tersendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Hutan memberi banyak manfaat kepada manusia. Hutan memainkan peranan penting dalam mengurangkan paras karbon dioksida dan meningkatkan biodiversiti.

(காடுகளால் மாந்தர்க்குப் பற்பல நன்மைகள் ஏற்படுகின்றன. கரிவளி அளவைக் குறைத்து உயிர்வளி அளவை அதிகரிப்பதில் காடுகள் முக்கியத்துவம் பெறுகின்றன).

## Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menyatakan jenis-jenis bencana alam yang menjejaskan ekosistem hutan yang telah dibincangkan dalam petikan. Secara keseluruhannya, calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik walaupun kurang sempurna. Calon perlu mengemukakan enam isi dengan baik dan sempurna. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Banyak kemudaratan berlaku kepada hutan, sama ada secara semula jadi ataupun sebaliknya. Pancaran matahari yang terik, udara yang kering, pokok tumbang akibat tiupan angin kencang, tanah menjadi kering-kontang disebabkan kekurangan hujan, sambaran kilat, letusan gunung berapi, dan gempa bumi secara langsung membahayakan alam sekitar.

(இயற்கையாகவோ செயற்கையாகவோ காடுகளுக்குப் பல தீங்குகள் ஏற்படுகின்றன. மிகுந்த சூரியவெப்பம், உலர்ந்த காற்று, வெகுண்ட காற்று ஆகியவற்றின் சக்தி அதனால் மரங்களின் உராய்வு, நிலத்தில் ஏற்படும் வறட்சி, இடிமின்னல் தாக்கம், எரிமலை வெடிப்பு, நிலநடுக்கம் ஆகியவை இயற்கைக்கு நேரடியாக தீங்குகள் விளைவிக்கின்றன).

Sebahagian besar calon menyalin jawapan daripada petikan. Hal ini dikatakan demikian kerana calon tidak berupaya untuk membina ayat sendiri. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Kemusnahan hutan berlaku disebabkan oleh kebakaran hutan secara semula jadi atau sebaliknya. Keterikan matahari, angin yang kuat dan geseran pokok menyumbang kepada tercetusnya kebakaran hutan. Kemarau turut menyebabkan kebakaran hutan. Kebakaran hutan juga berlaku akibat sambaran petir, letusan gunung berapi, dan gempa bumi. Pada tahun 1977, kebakaran hutan di China telah memusnahkan 750,000 hektar hutan. Selain itu, hutan juga dibakar dan dimusnahkan untuk aktiviti manusia.

(இயற்கையாகவோ செயற்கையாகவோ ஏற்படுகின்ற காட்டுத் தீயினாலும் காடுகள் அழிவுக்கு உள்ளாகின்றன. சூரிய வெப்பம், காற்றின் சக்தி, மரங்களின் உராய்வு போன்றன காட்டுத்தீ ஏற்படத் துணைபுரிகின்றன. காட்டுத்தீ ஏற்படுவதற்குரிய சூழ்நிலையைப் நிலத்தில் ஏற்படும் வறட்சி ஏற்படுத்துகின்றது. இடிமின்னல் தாக்கம், எரிமலை வெடிப்பு, நிலநடுக்கம் போன்ற நிகழ்வுகளின் போதும் காட்டுத்தீ ஏற்படுகின்றது. 1977-ஆம் ஆண்டு சீனாவில் ஏற்பட்ட காட்டுத்தீ காரணமாக

750,000 ஹெக்டர் காடுகள் அழிந்தன. மனிதர்களது நடவடிக்கைகளினாலும் காடுகள் எரியூட்டப்பட்டு அழிவைக் காண்கின்றன).

#### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan hubungan antara aktiviti pertanian, penternakan haiwan, dan penebangan hutan sepertimana telah dibincangkan dalam petikan dengan tepat dan konsis. Calon dikehendaki mengemukakan enam isi dengan sempurna dan perelaskan hubungan di antara kedua-duanya. Secara keseluruhannya, calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik tetapi tidak dapat memperlihatkan hubungan antara kedua-dua aktiviti dengan jelas dan konsis. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Terdapat hubungkait yang jelas antara perkembangan industri penternakan tenusu, daging dengan pemusnahan hutan. Pembangunan industri tenusu lembu dan daging telah membantu pembangunan industri penternakan secara besar-besaran. Industri ini memerlukan kawasan yang luas. Untuk menampung keperluan ini, para pengusaha mengambil jalan mudah dengan memusnahkan kawasan hutan bagi menampung permintaan yang sedang meningkat melalui pelbagai aktiviti penternakan yang diusahakan oleh manusia. Aktiviti-aktiviti yang kurang bertanggungjawab sebegini turut membawa kemusnahan kepada hutan.

(விலங்கு வேளாண்மை நடவடிக்கைகளினால் காடுகள் பலவகைகளில் சேதத்திற்கு உள்ளாகின்றன. கால்நடை பால்பண்ணைத் தொழில் மேம்பாடு, இறைச்சி வர்த்தக மேம்பாடு ஆகியவை கால்நடை வளர்ப்பினை ஊக்குவிக்கின்றன. இதற்காக பெரும் அளவிலான நிலப்பரப்புத் தேவைப்படுகின்றன. விவசாயப்பண்ணை தேவைக்காக உற்பத்தியாளர்கள் பண்ணை நிலங்களின் பரப்பளவை அதிகரித்துக் கொள்வதற்காக காடுகளை அழித்துப் பண்ணை நிலங்களாக மாற்றியமைத்துக் கொள்வதனால் காடுகள் அழிவை எதிர்நோக்குகின்றன).

Terdapat calon yang tidak dapat membezakan antara tujuan pembersihan hutan dan untuk industri tenusu, penternakan dan untuk kegunaan keperluan manusia. Calon turut menyalin kesemua jawapan yang dianggap berkaitan dengan soalan. Pada hal, fokus soalan ini adalah untuk industri tenusu dan penternakan sahaja.

#### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan manusia terhadap pemuliharaan hutan tanpa terikat pada fakta dan isi yang diberikan dalam petikan. Calon dikehendaki mengemukakan lima isi dengan sempurna dan konsis secara logik. Calon dikehendaki mengemukakan setiap huraian mereka dalam bentuk fakta dan penerangan dengan contoh yang konkrit. Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan ini dengan baik tetapi tidak mencapai tahap pra universiti. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Untuk menyerlahkan faedah hutan kepada manusia, mereka harus diberikan penerangan terhadap kebaikan-kebaikan hutan. Menanamkan rasa cinta dan hormat kepada alam semula jadi harus diterapkan sejak kecil. Kepentingan hutan dan keperluan untuk memeliharanya perlu diajar kepada generasi muda sejak di bangku sekolah melalui kurikulum sekolah yang teratur. Pemeliharaan hutan perlu dipertingkatkan melalui aktiviti-aktiviti bernas yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan. Pegawai-pegawai khas perlu dilantik untuk memantau aktiviti-aktiviti orang perseorangan dan orang ramai yang tidak serius terhadap menjaga alam sekitar. Kempen kesedaran harus diberikan kepada orang awam untuk meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar. Dari masa ke semasa, perundingan dan perbincangan perlu diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang hutan. Kerajaan harus mengkaji semula undang-undang sedia ada dan membanteras

aktiviti pemusnahan hutan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab melalui hukuman yang lebih berat. Mereka yang terlibat dengan pembalakan haram harus didenda dan dihukum.

(மனிதர்களிடையே காடுகள் வழங்கும் நன்மைகளைப் பற்றி எடுத்துரைக்க வேண்டும். சிறுவயது முதலே இயற்கையை நேசிக்கும், மதிக்கும் உணர்வை ஊட்ட வேண்டும். பள்ளிப்பாடத் திட்டங்களில் காடுகளின் முக்கியத்துவத்தைப் போதிக்க வேண்டும். வன இலாகா பங்களிப்பின் மூலம் காடுகளின் பாதுகாப்பை மேம்படுத்த வேண்டும். சிறப்பு அதிகாரிகளை நியமித்து மனிதர்களின் நடவடிக்கைகளைக் கண்காணிக்க வேண்டும். பொதுமக்களுக்கு விழிப்புணர்வுக் கருத்தரங்குகள், கலந்தாய்வுகள், கருத்தாடல்கள் ஆகியவற்றை மேற்கொண்டு காடுகளைப் பற்றிய விழிப்புணர்வை அதிகரிக்க வேண்டும். அரசாங்கம் நடப்பில் உள்ள சட்டத்தை மறுஆய்வு செய்து, கடுமையான தண்டனைகளின்வழி காடுகளை அழிப்பவர்களை அறவே ஒழிக்க வேண்டும். சட்ட விரோதமாக வெட்டுமரத் தொழிலில் ஈடுபடுபவர்களுக்குக் கடுமையான அபராதமும் தண்டனையும் விதிக்க வேண்டும்).

Sebahagian calon tidak mampu memberikan jawapan yang sempurna seperti skema permarkahan. Kegagalan calon mendapat markah penuh bagi soalan ini disebabkan oleh beberapa faktor;

- Fakta/isi yang diberikan adalah ringkas dalam ayat-ayat pendek dan pengolahannya tidak menunjukkan kematangan pemikiran. Hal ini menunjukkan ketidakupayaan calon memberikan pandangan secara bernas.
- Jawapan yang diberikan sering kali tidak tepat dari segi pengolahan ayat, penggunaan kosa kata yang tepat, dan tatabahasa.
- Jawapan-jawapan yang lemah juga menunjukkan ketidakupayaan pelajar untuk memberikan penerangan yang baik dalam jawapan.
- Terdapat jawapan pelajar yang tidak memberikan 5 isi dan penerangan yang diperlukan.

## **BAHAGIAN B: Tatabahasa**

### **Soalan 6**

Soalan 6(a) menghendaki calon memberikan penerangan kepada jenis kata adverba tersirat maksud (குறிப்பு வினைமுற்று). Calon dikehendaki mengemukakan tiga isi. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kata adverba tersirat bermaksud tidak memperagakan kesemua sifat-sifat utama seperti kata kerja transitif. Malahan ia memperagakan kesemua sifat kata kerjanya secara tersirat.

(தெரிநிலை வினைமுற்றுக்குரிய சிறப்புத்தன்மைகள் அனைத்தையும் வெளிப்படையாகக் குறிப்பிடாமல் குறிப்பால் உணர்த்துவது குறிப்பு வினைமுற்றாகும்).

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak dapat memberikan penerangan yang jelas dan tepat disebabkan tidak memahami konsep kata adverba tersirat. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Kata adverba tersirat bermaksud memperagakan sifat kata adverba secara tersirat.

(குறிப்பு வினைமுற்று வினைக்குரிய தன்மைகளைக் குறிப்பால் உணர்த்தும்).

Soalan 6(b) menghendaki calon memberikan tiga contoh yang sesuai bagi penerangan kata adverba tersirat yang diberikan. Calon dikehendaki mengemukakan tiga contoh. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Benda (பொருள்) – Selvan (orang berada) (செல்வன்)  
Tempat (இடம்) – Uuran (ஊரன்)  
Masa (காலம்) – Karthigeyan (கார்த்திகேயன்)  
Anggota (சினை) – Si pekak (செவிடன்)  
Nilai (குணம்) – Si hitam manis (கருப்பன்)  
Aktiviti (தொழில்) – Si suara merdu (தேன்மொழியன்)

Kekurangan pada jawapan calon adalah dari perspektif pemahaman kehendak soalan. Sebahagian calon gagal memberikan jawapan yang tepat sepertimana yang diberikan dalam senarai.

Soalan 6(c) menghendaki calon membentuk ayat menerangkan penerangan tepat bagi dua contoh yang diberi. Calon dikehendaki membuat dua ayat. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pada suatu ketika dulu, dia merupakan **seorang yang berada**.

முன்பொரு காலத்தில் இவன் மிகப் பெரிய **செல்வன்**.

Dialah **orang kampung** yang saya ceritakan.

இவன்தான் நான் சொன்ன அந்த **ஊரன்**.

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah tidak dapat mengemukakan ayat yang menerangkan maksud kata adverba tersirat dengan maksud yang jelas. Adakalanya ayat diberikan adalah pendek dan ringkas. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Dia (lelaki) orang Malaysia. (அவன் மலேசியன்)

Dia (lelaki) pekak. (அவன் செவிடன்)

Dia (perempuan) Margazhi. (அவள் மார்கழி)

## Soalan 7

Soalan 7(a) menghendaki calon menerangkan konsep kata kerja negatif (எதிர்மறை வினை). Calon dikehendaki mengemukakan dua isi. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kata kerja negatif tersurat tidak memperagakan fungsi kala (telah, sedang, dan akan) seperti kata kerja transitif yang lain tetapi memberikan konotasi yang bertentangan.

(தெரிநிலை எதிர்மறை வினை என்பது ஒரு வினைச்சொல் போல காலத்தைக் காட்டாமல் அதன் எதிர்நிலையில் காலத்தோடு உடன்படாமல் நிற்பது ஆகும்).

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak memahami konsep dan berupaya memberikan penerangan yang jelas dan tepat. Contoh jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kata kerja negatif menunjukkan unsur negatif di dalam kata kerja.

(எதிர்மறை வினை எதிர்மறையான காலத்தைக் காட்டும்)

Soalan 7(b) menghendaki calon menukarkan empat contoh kata kerja positif kepada kata kerja negatif. Calon dikehendaki menukarkan keempat-empat tersebut untuk mendapatkan 4 markah. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Sedang membuat (செய்கிறான்) – tidak membuat (செய்யா, செய்யாமல், செய்யாத)

Telah melihat (பார்த்தது) – tidak melihat (பார்க்கா, பார்க்காமல், பாராது, பாராத, பாராதது)

Telah pergi (சென்றான்) – tidak pergi (செல்லா, செல்லாமல், செல்லாத)

Akan berjalan (ஓடும்) – tidak berjalan (ஓடா, ஓடாமல், ஓடாத)

Kekurangan pada jawapan calon terserlah dari perspektif pemahaman kehendak soalan. Sebahagian calon gagal memberikan jawapan yang tepat.

Soalan 7(c) menghendaki calon membentuk ayat menerangkan penerangan tepat bagi dua contoh yang diberi. Calon dikehendaki membuat dua ayat. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Disebabkan tidak membuat kerja rumah diberi oleh guru, Kanthan telah diberi hukuman berat. (ஆசிரியர் வழங்கிய வீட்டுப்பாடங்களைச் செய்யாமல் வந்த கந்தன் கடுமையான தண்டனைக்கு உள்ளானான்).
- Disebabkan berjalan tanpa melihat kedua-dua hala, orang tua itu telah dilanggar kereta. (சாலையின் இரு பக்கமும் பார்க்காது கடந்த வயோதிகரை வாகனம் மோதி தள்ளியது).
- Kannan tidak lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan kerana sering tidak hadir ke sesi persekolahan. (பள்ளித் தவணையில் பல நாட்கள் செல்லாத காரணத்தினால் கண்ணன் தேர்வில் சிறந்த தேர்ச்சியடைய முடியவில்லை).
- Bas-bas tidak akan melalui jalan raya itu esok disebabkan oleh latihan perarakan sempena hari kebangsaan akan berlangsung. (தேசிய தின விழாவையொட்டிய மாதிரி அணிவகுப்புகள் நடக்கவிருப்பதால், நாளை பேருந்துகள் அந்தச் சாலையில் ஓடா).

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak dapat mengemukakan ayat yang menerangkan maksud kata kerja tersirat dengan jelas. Adakalanya ayat diberikan adalah pendek dan ringkas. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- Kannan tidak membuat kerja rumah. (கண்ணன் வீட்டுப்பாடங்களைச் செய்யவில்லை).
- Dia tidak nampak saya. (அவன் என்னைப் பார்க்கவில்லை).
- Kannan tidak dapat lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. (கண்ணன் தேர்வில் சிறந்த தேர்ச்சியடைய முடியவில்லை).
- Bas-bas tidak akan bergerak. (பேருந்துகள் ஓடா).

## **BAHAGIAN C: Kesusasteraan Moden – Puisi**

### **Soalan 8**

Soalan 8 menghendaki calon membahaskan sejauh manakah perbuatan Marappan dalam *Puriyatha Puthir* dapat diterima sebagai perbuatan adil. Soalan menghendaki calon menulis sebuah esei sempurna dengan pengenalan, sinopsis, empat isi-isi terbaik berserta dengan contoh dan kesimpulan yang jelas.

Dalam pengenalan calon dikehendaki menyentuh beberapa perkara, iaitu berkaitan dengan pengarang, sumbangan beliau kepada perkembangan kesusasteraan tanah air, dan karya-karya terpilih sebelum memberikan penerangan terhadap karya *Puriyatha Puthir* dan temanya. Sinopsis cerita perlu diberikan dengan tepat dan konsis dengan menerangkan susur galur cerita bersama watak-watak utama dengan fokus diberikan kepada watak Marappan, ayah kepada watak Kothai. Seterusnya calon dikehendaki memberikan

isi-isi terbaik dengan contoh-contoh konkrit. Dalam kesimpulan, calon harus menunjukkan bagaimana pendirian calon dapat diterima dan sejauh mana ia boleh diterima.

Soalan ini diminati ramai calon. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat menggunakan isi-isi tersirat yang dipaparkan dalam puisi *Puriyatha Puthir*. Pada amnya, kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kekurangan masih dapat dilihat pada pengenalan, pengolahan isi dan memberikan kesimpulan yang jelas. Calon sederhana berjaya memberi jawapan yang baik. Terdapat calon yang memberikan jawapan dipenuhi dengan kekurangan dari segi aturan, pengolahan isi dan ketepatannya. Contoh-contoh yang diberikan juga agak lemah dan umum. Calon lemah biasanya menulis sinopsis panjang tanpa membezakan isi-isi penting yang diperlukan. Selain binaan ayat salah, calon juga mencampuradukkan fakta. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan banyak isi dalam satu perenggan.

Satu perkara yang ketara adalah kekurangan yang ada dalam penulisan kesimpulan. Calon prestasi tinggi, calon sederhana, dan calon lemah gagal menulis kesimpulan yang tepat berdasarkan hujah-hujah yang diberikan. Ini menyebabkan mereka gagal mendapat markah penuh bagi bahagian ini.

### Soalan 9

Soalan 9 merupakan soalan struktur. Soalan 9 menghendaki calon menjawab empat soalan konstruktif dengan jelas berdasarkan peruntukan markah berdasarkan teks *Kuyil Pattu*.

Soalan 9(i) menghendaki calon memberikan tajuk sajak dan pengarangnya. Ramai calon menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapannya adalah seperti Kuyil Pattu & Mahaakavi Subramaniya Bharatiyaar. (குயில் பாட்டு - குயிலும் குரங்கும், பாரதியார்).

Soalan 9(ii) menghendaki calon menerangkan konteks tertimbulnya rangkap terpilih. Jawapan calon biasanya tepat dan menerangkan konteks di mana penyair tidak teragak-teragak untuk mengambil pisau kecil yang dibawanya dan membaling ke arah Si Kuyil selepas mendengar cerita rekaan yang dikongsi bersama Si Kera.

Sebelum tamatnya tempoh empat hari yang diberikan oleh Si Kuyil, penyair pergi ke taman dengan penuh harapan untuk melihat Si Kuyil itu. Apabila mendapati Si Kuyil tidak ada di lokasi sebelumnya, penyair mencarinya di seluruh taman. Di sana, Si Kuyil yang duduk di atas dahan pokok menceritakan kesengsaraannya kepada Si Kera jantan dengan merengek dan belas kasihan. Baris-baris ini timbul dalam konteks penyair mengambil pisau dan ingin membaling ke arah Si Kuyil dan Si Kera yang terjatuh cinta pada si Kuyil setelah mendengar kata-kata manis Si Kuyil.

(குயில் கொடுத்த நான்கு நாட்கள் கெடு முடியும் முன்னரே கவிஞர் குயிலைக் காண மிகுந்த ஆர்வத்துடன் சோலைக்குள் செல்கின்றார். முன்பிருந்த இடத்தில் அந்தக் குயில் இல்லாததைக் கண்டு சோலை முழுதும் தேடுகிறார். அங்கு ஒரு மரக்கிளையில் அமர்ந்திருந்த குயில் விம்மலுடனும் பரிவுடனும் தன் துயரங்களை ஆண்குரங்கிடம் சொல்லிக் கொண்டிருந்தது. ஏதேதோ கூறி ஆண்குரங்கை மயக்க எண்ணிய குயிலையும் அதனுடன் நேசம் கொண்ட குரங்கையும் கண்டு கோபப்பட்டு, கவிஞர் தன் உடைவாளை எடுக்கும் சூழலில் இவ்வரிகள் எழுகின்றன).

Soalan 9(iii) menghendaki calon menghuraikan maksud tersurat dan tersirat dalam rangkap sajak yang diberikan. Jawapan calon harus mengandungi isi-isi tersurat dan tersirat. Jawapan diberikan calon agak memuaskan. Contoh jawapan yang baik adalah berniat untuk membunuh Si Kuyil dan Si Kera, penyair meletakkan tangannya ke pisau kecil yang disimpan di dalam sarungnya. Sebelum membunuh, penyair teringin untuk berhenti sejenak dan mendengar percakapan Si Kuyil. Penyair tersembunyi dari mata mereka, Penyair berdiri berhampiran pokok yang tinggi dan mendengar perbualan mereka.

(குயிலையும் குரங்கையும் கொல்லக் கருதி, உடைவாளில் கைவைத்தேன். கொல்வதற்கு முன்னர், குயில் உரைக்கும் சொற்களைச் சற்றே நின்று கேட்பதற்கு என் மனம் விரும்பியது. அங்கு அவற்றின் கண்களுக்குத் தெரியாதவாறு அருகிலிருந்த உயர்ந்த மரத்தருகே மறைந்து நின்று கேட்டேன்).



Soalan 9(iv) menghendaki calon memberikan analisis terhadap perbandingan dibuat oleh Kuyil di antara Si Kera dan Manusia. Calon harus memberikan tiga atau empat isi dalam satu perenggan dengan isi utama dan penerangan dengan contoh. Soalan ini tidak memerlukan pengolahan isi yang panjang. Calon prestasi tinggi biasanya dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon sederhana biasanya memberikan isi tanpa penerangan yang tepat. Calon lemah pula biasanya memberikan isi secara ringkas tanpa penerangan yang diperlukan. Contoh jawapan yang baik adalah manusia sentiasa ingin mencapai keseronokan yang tidak terhad. Manusia menganggap dirinya sebagai pemimpin kepada semua makhluk di dunia. Boleh dikatakan bahawa manusia lebih unggul dalam beberapa bidang seperti membina bandar, membina kuil, mendirikan kerajaan, dan mendirikan petempatan tetapi manusia tidak dapat menandingi monyet dalam kecantikan fizikal, kefasihan, dan kehebatan.

(மனிதன் எப்பொழுதுமே எல்லையில்லா இன்பத்தையே அடைய ஆசைப்படுகிறான். உலகிலுள்ள உயிரினங்களுக்கு எல்லாம் தங்களைத் தலைவர் என மனிதர்கள் கருதுகிறார்கள். ஊர் உருவாக்குதல், கோயில் கட்டுதல், அரசு செய்தல், குடி வகுத்தல் போன்ற சில துறைகளில் மனிதர்கள் உயர்ந்தவர்கள் என்று சொல்லலாம். ஆனால், உடல் அழகிலும் அறிந்துரைக்கும் சொற்களிலும் கூனல் அமைந்த உடல்களுடன் கொலுவீற்றிருக்கும் சிறப்பிலும் குரங்குக்கு மனிதர்கள் ஈடாக மாட்டார்கள்).

Contoh jawapan yang kurang memuaskan seperti Kera biasanya makan makanan sayur-sayuran dan mempunyai mata yang tajam tetapi manusia bukan begitu.

(குரங்கு சைவ உணவு உட்கொண்டு சாதுரியப் பார்வை கொண்டிருக்கின்றது. ஆனால் மனிதர் அவ்வாறு அன்று).

## **BAHAGIAN D: Kesusasteraan Moden – Prosa**

### **Soalan 10**

Soalan 10 menghendaki calon memperjelaskan sumbangan tokoh-tokoh Eropah kepada perkembangan bahasa Tamil. Soalan menghendaki calon menulis sebuah esei sempurna dengan pengenalan, empat isi terbaik berserta dengan kesimpulan yang jelas.

Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon menggunakan isi-isi yang telah dibincangkan dalam prosa diberikan. Pada amnya calon-calon dapat menjawab soalan ini. Jawapan calon biasanya dipenuhi dengan kekurangan, dari segi penulisan pengenalan, pengolahan fakta, dan memberikan kesimpulan yang jitu.

Dalam pengenalan calon dikehendaki menyentuh era kedatangan orang-orang Eropah dan pertembungan mereka dengan bahasa Tamil, tokoh-tokoh yang terlibat, genre yang berkaitan, dan keperluan yang telah mendorong mereka untuk menggunakan bahasa tersebut. Kelemahan calon untuk memberikan pengenalan ialah memberikan isi-isi umum tanpa era yang ternyata dan jelas perihalkan tokoh-tokoh yang terlibat dan sumbangan mereka kepada bidang-bidang tertentu.

Alvars telah banyak menyanyi tentang kebaikan Tirumal. Mereka telah menyanyikan keindahan Thirumal dan jasanya dalam lagu-lagu mereka. Kualiti pengabdian mereka dapat diketahui dengan bantuan empat ribu Divvya Prabandham.

(ஆழ்வார்கள் திருமாலின் சிறப்புகளைப் பற்றி அதிமகாகப் பாடி உள்ளனர். இவர்கள் தங்கள் பாடல்களில் திருமாலின் அழகையும் அவரது சிறப்புகளையும் பாடியுள்ளனர். அவர்களின் பக்திச் சிறப்பினை நாலாயிரத் திவ்வியப் பிரபந்தம் துணைகொண்டு அறியலாம்).

Calon dikehendaki memberikan 5 jenis sumbangan (5 isi) dengan jelas dan membincangkan isi-isi tersebut dengan bukti yang kukuh diambil daripada prosa diberikan dengan tepat. Calon berjaya memberi isi-isi yang diperlukan tetapi masih lemah dalam pengolahan fakta. Isi boleh diberikan berdasarkan tokoh-tokoh utama ataupun sumbangan mereka terhadap bidang-bidang tertentu.

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak dapat mengemukakan jawapan isi dengan jelas secara konsis dengan menggunakan ayat yang kompleks dengan gramatis. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi tetapi kurang tepat. Namun demikian, kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan baik. Ada huraian yang terpesong daripada isi utama yang dikemukakan. Kelemahan calon juga jelas terlihat dalam aspek memberikan fakta yang tepat. Selain binaan ayat salah, calon juga mencampuradukkan fakta. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan banyak isi dalam satu perenggan. Hal ini menjadikan perenggan yang terhasil terlalu panjang. Terdapat juga calon yang tidak terdaya mengolah fakta secara ringkas tanpa penjelasan, mahupun ringkas. Dapat dikatakan bahawa perancangan masa yang tidak sempurna juga mendorong kepada kegagalan mereka menjawab soalan dalam bahagian ini dengan baik. Contoh jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Salah satu penyumbang kepada perkembangan *genre* prosa ialah paderi Eropah Robert de Nobili. Beliau adalah perintis perkembangan prosa Tamil yang dilihat pada hari ini. Beschi (orang Itali) adalah wira yang membawa prosa Tamil ke tahap tertinggi.

(உரைநடை வளர்ச்சிக்கு பங்காற்றியவர்களுள் ஒருவர் ஐரோப்பியப் பாதிரியார் ராபர்ட் டி நோபிலி. இவர் இன்றைய உரைநடை வளர்ச்சிக்கு முன்னோடி ஆவார். தமிழ் உரைநடையை உன்னத வளர்ச்சிக்குக் கொண்டு சென்றவர் பெஸ்கி எனும் வீரமாமுனிவர் (இத்தாலி) ஆவார்).

Dalam kesimpulan, calon dikehendaki menyentuh isi-isi yang telah dibincangkan secara ringkas dan memperlihatkan perkembangan yang telah dikecapi bahasa Tamil melalui sumbangan mereka dengan jelas. Paderi-paderi Eropah yang datang ke tanah besar India telah mempelajari bahasa Tamil untuk menyebarkan agama mereka dan memulakan kerja amal memberikan sumbangan kepada perkembangan Tamil dalam usaha menyebarkan agama mereka kepada penduduk tempatan. Kemudian mereka tertarik dengan keunikan bahasa tersebut dan telah banyak menyumbang kepada perkembangannya. Sumbangan besar mereka dapat dilihat dalam pelbagai bidang seperti perkembangan *genre* prosa Tamil, perkembangan cerpen Tamil, perkembangan novel Tamil, perkembangan leksikografi Tamil. Terdapat pendapat, disebabkan sumbangan mereka, bahasa Tamil mula mendapat hala tuju baharu. Ringkasnya, sumbangan orang Eropah terhadap perkembangan bahasa Tamil adalah sangat besar.

(தங்களது சமயத்தைப் பரப்பும் நோக்கினில் இந்திய பெருநிலம் வந்த ஐரோப்பிய பாதிர்மார்கள் தமிழ் மொழியைக் கற்று, தங்களது சமயத்தை உள்ளூர் வாசிகளுக்குப் பரக்கும் நோக்கினில் அவர்களது தமிழ் அறப்பணியைத் தொடங்கினார்கள் எனலாம். பின்னர் அவர்கள் அதன் இனிமையின்பால் ஈர்க்கப்பட்டு, தமிழ்மொழியின் வளர்ச்சிக்கும் பெரும் தொண்டாற்றி உள்ளனர். அவர்களது அரும்பெரும் கொடைகள் தமிழ் உரைநடை வளர்ச்சி, தமிழ்ச் சிறுகதை வளர்ச்சி, தமிழ் நாவல் வளர்ச்சி, தமிழ் அகராதியியல் வளர்ச்சி என பல துறைகளில் காண முடிகின்றது. இவர்களது பங்களிப்பினால் தமிழ், புதுப்பாதையில் பயணிக்கத் தொடங்கியது என்றும் கூறலாம். சுருங்கக் கூறின், ஐரோப்பியர்கள் தமிழ்மொழியின் வளர்ச்சிக்கு இவர்களது தொண்டு அளப்பரியது).

Kebanyakan calon gagal memberikan kesimpulan yang jelas. Antara kesimpulan yang diberikan adalah sumbangan orang Eropah terhadap perkembangan bahasa Tamil adalah amat besar.

(தமிழ்மொழி வளர்ச்சிக்குப் பெரும் தொண்டாற்றிவர்கள் ஐரோப்பியர்கள். தமிழ்மொழியின் வளர்ச்சிக்கு இவர்களது தொண்டு அளப்பரியது).

## Soalan 11

Soalan 11 menghendaki calon menjelaskan sumbangan Alvar dalam memperincikan keunikan Tirumal. Soalan menghendaki calon menulis sebuah esei sempurna dengan pengenalan, isi-isi utama (5 isi) dan kesimpulan yang jelas.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat menggunakan fakta-fakta yang telah dibincangkan dalam prosa diberi. Pada amnya calon-calon dapat menjawab soalan ini. Jawapan calon biasanya dipenuhi dengan kekurangan, dari segi penulisan pengenalan, pengolahan fakta dan memberi kesimpulan yang jitu.

Dalam pengenalan calon dikehendaki menyentuh era perkembangan kesusasteraan bakhti dan sumbangan tokoh-tokoh terpilih dari mazhab Saivism dan Vaisnavism kepada perkembangan *genre* kesusasteraan bakhti Tamil secara am, dan sumbangan tokoh-tokoh Vaisnavism secara khusus.

Kebaikan penjelmaan Tirumal dapat dilihat dengan baik melalui Divvya Prabandham yang dikarang oleh Alvar. Sifat-sifat penjelmaan Durumal digambarkan dengan baik dalam pujian yang dinyanyikan oleh dua belas Alvar untuk memuji Tirumal. Pengembaraan Tirumal di bumi dalam kesemua sembilan penjelmaannya dari avatar Kurma hingga avatar Krishna diterangkan secara terperinci. Justeru, tindakan Tirumal merestui sukarelawan dengan menjelma di bumi juga telah dijelaskan. Avatar bermaksud turun dari atas. Adalah dipercayai bahawa Tirumal akan menjelma di bumi dan melindungi orang baik pada masa orang baik lemah dan orang jahat banyak di dunia. Penjelmaan Tirumal diyakini dengan jelas dan teguh oleh Alvar melalui lagu-lagu mereka.

(Ivarkal Iyarthi Thuvviya Piranbatham Vayilak Tirumalin Avatharas Chirappukal nanku kaana mudikinthu. Azhvararkal panneeruvir Tirumalale paerhrip padaya padakalil thurumalin avatharas chirappukalal chirappakak kurhappadunnen. kuram avatharam mudal kiruvunaru avatharam varayilalan onbathu avatharankalilum tirumal pumiya avatharithu nikkattiy sakasankal niravakap pesappadunnen. avvathu pumiya avatharithu tirumal tonndarkalaku aruniya seyalkalum vilakkamakak kurhappadunnen. avatharam ennalal meliruthu keme irunthuvathu enbathakum. ulakil nallavar nalinthu, thayar mikuthu irukukum thrunathil tirumal ippuviyil avatharam seyathu nallavarkalal kappar enbathu nampikka. ivayyakum azhvararkal thelivakalum ethuyakalum nampuvath avarkalal padalkalin vayilakak kalankiram).

Kelemahan calon untuk soalan ini ialah mereka tidak dapat mengemukakan jawapan isi dengan jelas secara konsis. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi tetapi dengan kurang tepat. Namun demikian, kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan baik. Kelemahan calon juga jelas terlihat dalam aspek memberikan fakta yang tepat dan pengolahannya. Selain itu, calon juga mencampuradukkan fakta. Terdapat juga calon yang mencampuradukkan banyak isi dalam satu perenggan. Hal ini menjadikan perenggan yang terhasil terlalu panjang. Terdapat juga calon yang tidak terdaya mengolah fakta walaupun secara ringkas. Dapat dikatakan bahawa perancangan masa yang tidak sempurna juga mendorong kepada kegagalan mereka menjawab soalan dalam bahagian ini dengan baik. Contoh perenggan yang ditulis oleh calon adalah seperti yang berikut:

Avatar paling jelas diterangkan dalam lagu Alvar. Dalam kesemua sepuluh penjelmaan Tirumal telah menjelma dan memberkati para penyembah. Hal-hal ini telah diterangkan dengan jelas dalam lagu Alvar. Avatar bermaksud turun dari atas. Adalah dipercayai bahawa Tirumal akan menjelma di bumi dan melindungi orang baik pada ketika orang baik lemah dan orang jahat banyak di dunia.

(Avathararkal Azhvar padalkalil chirappakak kurhappadunnen. bathu avatharankalilum tirumal avatharithu, tonndarkalaku aruniya seyalkal vilakkamakak kurhappadunnen. avatharam ennalal meliruthu keme irunthuvathu enbathakum. ulakil nallavar nalinthu, thayar mikuthu irukukum thrunathil tirumal ippuviyil avatharam seyathu nallavarkalal kappar enbathu nampikka).

Dalam kesimpulan calon dikehendaki menyentuh isi-isi yang telah dibincangkan secara ringkas dan memperlihatkan perkembangan yang telah dikecapi bahasa Tamil melalui sumbangan mereka dengan jelas. Ramai gagal memberikan kesimpulan jelas bagi soalan ini.

Contoh kesimpulan yang diharapkan:

Melalui lagu-lagu kebaktian, para penganut Alvar telah menunjukkan kegemilangan Tirumal dengan baik. Lagu-lagu mereka menyatakan pengabdian mereka yang mendalam kepada Tirumal. Mazmur-mazmur yang dinyanyikan oleh Alvar dalam 4 bahagian Nalaiyara Divvya Prabandham, jasa Tirumal dan jasa kebaktian Alvar jelas terungkap. Lagu-lagu ini sangat menekankan bahawa mereka yang percaya kepada Tuhan akan ditinggalkan.

(பக்திப் பாடல்களின் வாயிலாக பக்தர்கள் தங்கள் ஆழ்வார்கள் திருமாலின் பெருமைகளை நல்ல முறையில் எடுத்துக் காட்டியுள்ளனர். திருமாலின் மீது இவர்கள் கொண்டிருந்த ஆழ்ந்த பக்தியை உணர்த்துவதாக இந்த பாடல்கள் அமைந்துள்ளன. ஆழ்வார்கள் பாடிய பாசுரங்கள் நாலாயிரத் திவ்வியப் பிரபந்தத்தில் 4 பிரிவுகளில் திருமாலின் சிறப்புகளுள் ஆழ்வார்களின் பக்திச் சிறப்பு தெளிவாக வெளிப்படுகின்றன. இறைவனை நம்பினோர் கைவிடப்படார் என்பதனையே ஆழமாக இப்பாடல்கள் வலியுறுத்துகின்றன).

Contoh kesimpulan calon yang lemah:

Ketakwaan yang sebenar harus diambil sebagai gaya hidup pemantau.

(மெய்யான இறைப் பக்தியையே மானிடரின் வாழ்க்கை நெறியாகக் கொள்ள வேண்டும்).

# BAHASA TAMIL 912/2

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 502 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 72.77% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.54	2.19	6.76	2.78	19.09	18.69	12.72	11.53	6.96	3.18	5.57

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Dalam Bahagian A, satu soalan sahaja wajib dijawab. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah 25 markah. Prestasi calon dalam bahagian A adalah sederhana sahaja. Calon dapat mengesan isi-isi penting, mengulas dengan menggunakan bahasa yang jelas dalam lingkungan 100 patah perkataan. Calon mendapat markah rendah kerana tidak dapat mengesan isi-isi yang penting, sukar untuk menulis ulasan, penguasaan bahasa yang lemah dan jumlah perkataan yang sangat kurang, iaitu antara 70 hingga 80 patah perkataan sahaja.

Dalam Bahagian B, tiga soalan berkaitan tatabahasa sintaksis dikemukakan. Calon wajib menjawab ketiga-tiga soalan ini. Soalan 2 dan soalan 3 diperuntukkan 10 markah, manakala soalan 4 adalah 5 markah. Nahu tentang *thogai nilai* (gabungan kata – KN+KN, KN+KK) dan *thoga nilai*, gabungan dua kata berasingan – KN+KN, KN+KK) merupakan dua aspek yang disoal. Aspek bahasa tentang bentuk ayat dan kesalahan antara bahasa percakapan dengan bahasa standard juga disoal. Umumnya calon boleh mengenali unsur-unsur tatabahasa *thogai nilai* dan *thoga nilai* dengan baik. Namun begitu, calon menghadapi masalah ketara untuk menamakan bentuk ayat dan membetulkan bahasa ‘pasar’ ke dalam Bahasa Tamil yang standard. Prestasi calon pada tahap sederhana sahaja.

Dalam Bahagian C, dua soalan, iaitu satu daripada teks sastera dan satu lagi daripada epik diberikan. Soalan daripada sastera klasik tergolong dalam jenis konteks, manakala soalan epik berbentuk jenis esei. Kedua-dua soalan dipilih secara sama rata oleh calon. Setiap soalan diperuntukkan 25 markah. Dalam soalan 5, ada bahagian kecil (*a*) dan (*d*) yang dijawab dengan betul, sedangkan bahagian kecil (*b*) dan (*c*) didapati jawapan bertindih dan tidak menepati skema pemarkahan. Bagi soalan 6, sebahagian calon kurang faham tentang kehendak kata tugas soalan. Prestasi calon umumnya adalah sederhana.

Dalam Bahagian D, terdapat dua soalan yang merujuk kepada novel yang dipilih. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Setiap soalan diperuntukkan 25 markah. Prestasi calon adalah sederhana sahaja. Calon harus mahir untuk menentukan makna setiap elemen seperti perwatakan, konteks, plot, sudut pandangan, *setting* atau latar belakang, gaya persembahan atau tema. Kedua-dua soalan menguji kefahaman calon tentang perwatakan dan *mode* pemikiran watak. Jawapan yang cemerlang ditulis seperti kehendak

skema pemarkahan. Calon memahami soalan dan pencapaian berlandaskan kemahiran berfikir aras tinggi. Isi-isi yang diberikan adalah baik dan konteks dicatat untuk memperkuat isi yang disampaikan. Namun begitu, segelintir calon gagal mempersembahkan jawapan yang baik kerana ketandusan isi, tiada perbincangan ataupun perjalanan cerita yang jarang dikaitkan dengan isi. Corak pemikiran watak sukar difahami. Struktur ayat yang lemah kerana kesalahan gramatis tidak diberikan perhatian. Jika dibandingkan antara jawapan untuk soalan 7 dengan soalan 8, jawapan bagi soalan 7 lebih baik kerana isi-isinya dicatat dengan jelas dan pengolahan isi baik.

**Komen soalan demi soalan**

**BAHAGIAN A: Penulisan Ulasan**

**Soalan 1**

Calon dikehendaki membaca dengan teliti petikan yang diberikan dan menulis ulasan mengenainya. Calon harus mengesan empat penyebab utama yang tersurat dan seterusnya menerangkan isi tersirat. Hujah-hujah yang sepatutnya ialah tafsiran oleh calon sendiri tetapi berkaitan dengan ‘Penyakit Katarak’ yang menjadi tema perbincangan dalam petikan. Bukti dan data boleh dimasukkan ke dalam perbincangan. Di samping itu, calon harus memberi ulasan tanpa kesalahan ejaan dan tatabahasa. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Pendahuluan – Katarak adalah suatu penyakit yang dapat mempengaruhi fungsi lensa mata.

- Isi – (i) Usia – Berusia di atas 60 tahun; semakin tua usia seseorang, semakin besar kemungkinannya untuk mengalami katarak.
- (ii) Diabetes – Meningkatnya kadar gula dalam darah dalam waktu yang lama; diabetes dapat merosakkan pembuluh darah kecil di mata.
- (iii) Katarak kongenital – Katarak kongenital disebabkan oleh kelahiran prematur, riwayat keluarga dengan katarak kongenital, dan infeksi ibu semasa kehamilan atau saat melahirkan anak.
- (iv) Radiasi – Paparan radiasi ion, boleh meningkatkan risiko seseorang mengalami katarak.

Penutup – Katarak mudah dirawat; perlu ambil tindakan segera.

Sebilangan besar calon berjaya mengesan penyebab penyakit katarak tetapi tidak dapat menyatakan isi-isi tersirat. Hujan-hujah diperkukuhkan dengan bukti yang konkrit dan dapat memberikan data tentang penyakit ini dengan baik. Sebahagian calon tidak dapat menerangkannya dengan baik dan jumlah perkataan juga tidak mencukupi.

**BAHAGIAN B: Tatabahasa - Sintaksis**

**Soalan 2**

Soalan 2(a) menghendaki calon menyatakan jenis *thogai nilai* berdasarkan lima perkataan yang diberi. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

i. செய்ப்புண்ணியம் (pahala derma)	வினைத்தொகை (denominasi)
ii. தீந்தமிழ் (bahasa indah)	பண்புத்தொகை (atribut)

iii. புலிப்பல் (gigi harimau)	வேற்றுமைத்தொகை (akhiran)
iv. மலரடி (tapak lembut)	உவமைத்தொகை (kiasan)
v. இரண்டு மீட்டர் (dua meter)	உம்மைத்தொகை (ekuiti)

Kebanyakan calon berjaya mengenal pasti jenis kata *thogai*. Calon memahami bahawa dua patah perkataan (KN+KN; KN+KK) digabung menjadi satu perkataan ialah *thogai nilai*. Prestasi calon adalah baik.

Soalan 2(b) pula menyoal tentang jenis lima patah perkataan *thoga nilai*. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

i. நனி பேதை (perempuan)	உரித்தொடர் (adjektif)
ii. கருத்த பையன் (budak 'hitam')	பெயரெச்சத் தொடர் (bentuk inifiniti nama)
iii. ஒருபுறம் (sebelah)	இடைத்தொடர் (sisipan)
iv. செழித்து வளர்ந்தது (subur)	வினையெச்சத் தொடர் (bentuk infiniti kata kerja)
v. சரிந்தது கட்டிடம் (bangunan runtuh)	வினைமுற்றுத் தொடர் (kata kerja lengkap)

Keseluruhannya calon dapat menjawab dengan tepat dan betul.

### Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon mendefinisikan 'ayat selapis' dengan lengkap. Soalan 3(b), dua pasangan kata yang bersifat homofon diberikan. Calon perlu menjelaskan maksud setiap kata itu dan kemudian membina struktur ayat selapis yang bermakna. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Ayat tunggal merupakan ayat yang mengandungi hanya satu klausa, iaitu satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu subjek dan satu predikat. Ayat tunggal ialah ayat yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu subjek (bahagian ayat yang diterangkan), dan predikat (ayat yang menerangkan ayat).

- (i) களிப்பு (*kalippu*) kegembiraan – ayat yang sesuai
- (ii) கழிப்பு (*kazhippu*) kekurangan – ayat yang sesuai
- (iii) கன்னி (*kanni*) perempuan – ayat yang sesuai
- (iv) கண்ணி (*kanni*) perangkap – ayat yang sesuai

Pencapaian calon dalam soalan ini sangat baik. Definisi ayat tunggal tepat dan jelas. Dalam perkataan homofon calon tidak memperoleh markah penuh kerana mereka tidak dapat mengenal pasti makna antara dua pasangan kata yang diberikan.

### Soalan 4

Soalan ini mengandungi lima patah perkataan yang tergolong dalam bahasa percakapan. Calon perlu menulis bahasa standard bagi setiap perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Bahasa Pasar	Bahasa Standard
i. வெய்யில்	வெயில் (Cahaya matahari)
ii. ஒருவள்	ஒருத்தி (seorang perempuan)
iii. பதட்டம்	பதற்றம் (gementar)
iv. தெண்டம்	தண்டம் (denda)
v. காச்சல்	காய்ச்சல் (demam)

Kebanyakan calon berjaya mengenal pasti jenis kata *thogai*. Calon memahami bahawa dua patah perkataan (KN+KN; KN+KK) digabung menjadi satu perkataan ialah *thogai nilai*. Prestasi calon adalah baik.

### BAHAGIAN C: Kesusasteraan Tamil – Klasik/Epik

#### Soalan 5

Soalan 5 merupakan soalan konteks yang terdiri daripada empat bahagian kecil. Semua soalan kecil ini berhubung dengan lima baris puisi yang dipetik daripada teks *Akananuru*. Maklumat tentang penulisan teks, peristiwa yang menghasilkan puisi ini, tidak tersusun; maksud sebenar dan penderitaan watak utama, iaitu *heroin* merupakan soalan yang dikehendaki jawapan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- Namakan teks, bab dan penutur versi yang diberi. *Akananuru*; *Palai*; ucapan *heroin*.
- Apakah peristiwa yang menyebabkan lahirnya baris ini? Hero cerita meninggalkan isterinya kerana hendak menggembara mencari kekayaan di tempat lain. Perpisahan itu menyebabkan *heroin* menderita dan ucapan ini berlaku.
- Apakah yang dimaksudkan dalam puisi ini? Penderitaan *heroin* pada masa tengkujuh diceritakan melalui perumpamaan.
- Terangkan penderitaan *heroin* sewaktu berpisah daripada suaminya. Suami terpaksa melalui perjalanan yang bahaya; tubuh badan *heroin* menjadi lesu dan kurus; *heroin* tidak dapat tidur; teringat kepada masa lalu bersama suaminya.

Bahagian kecil (a) dan (d) dijawab dengan tepat. Calon mengenal pasti tema cinta dalam teks dan menganalisis penderitaan dengan jelas. Calon gagal mengaitkan peristiwa dengan puisi secara teratur. Maksud puisi yang diutarakan itu terlalu umum dan makna tersirat kurang diterangkan.

#### Soalan 6

Soalan panjang ini mengenai seorang raja yang bernama Nalan dalam epik *Nalavenpa*. Baginda menjadi mangsa yang ditipu dengan persahabatan yang tidak sihat. Calon dikehendaki mengkaji bagaimana persahabatan negatif boleh membawa padah kepada raja ini. Calon ditugaskan untuk membincangkan isu persahabatan tidak baik yang membawa banyak keburukan. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pengenalan – sebutkan nama teks *Nalavepa*; nama penyajak Pugalenti dan tema cerita, iaitu persahabatan.



Sinopsis – secara ringkas; bermula daripada perkahwinan raja dengan permaisuri; pihak yang cemburu atas perkahwinan itu dan bertekad untuk membalas dendam; menggunakan perjudian untuk menjerat raja itu dan merampas takhtanya.

- Isi – (i) Harus berhati-hati memilih sahabat  
(ii) Jangan tertipu dengan pujaan yang palsu  
(iii) Boleh merosakkan akhlak seseorang  
(iv) Tetap membawa penderitaan kepada individu dan keluarganya

Penutup – pengajaran yang diterima

Jawapan calon boleh dibahagi kepada dua jenis. Pertama, calon yang mahir membuat penganalisan dengan baik. Semua calon ini mengemukakan hujah-hujah berserta dengan contoh yang konkrit daripada cerita asal. Usaha untuk menulis rangkap puisi dapat menambah mutu jawapan yang dihasilkan. Kedua, calon yang menyeleweng daripada kehendak soalan. Tanpa membuat penghuraian tentang persahabatan yang mementingkan diri dalam cerita, calon gemar membincangkan keburukan perjudian.

## **BAHAGIAN D: Kesusasteraan Tamil Moden – Novel**

### **Soalan 7**

Soalan ini memerlukan perbincangan tentang watak utama, iaitu Sundaram. Watak utama novel yang digambarkan sebagai seorang yang memiliki sifat-sifat yang agung dan boleh dicontohi. Soalan cuba menonjolkan watak tersebut sebagai tidak bertanggungjawab dan calon diminta membincangkan kenyataan “Sundaram sebagai seorang ayah yang tidak melaksanakan tugas dengan baik”. Kata tugas ‘bincangkan’ bermaksud jawapan patut mengandungi penerangan/pandangan daripada pelbagai aspek, iaitu baik dan buruk. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pengenalan – nama pengarang; penulisan atau karya-karya lain oleh pengarang; tema novel, iaitu ‘tiada yang kekal’ dalam kehidupan ini.

Sinopsis novel – Sundaram dan isterinya Janaki memiliki rumah tangga yang bahagia. Tetapi rumah tangga anaknya, Radha bersama suaminya, Sivamani tidak bahagia dan bermasalah. Walaupun mereka telah bercinta sebelum berkahwin, sifat dan tidak mahu bertolak ansur menyebabkan keretakan dalam keluarga. Mereka berpisah dan anak mereka dibiarkan di bawah penjagaan datuk neneknya. Pada masa yang sama, Sundaram menghidap penyakit kanser. Penderitaan menimpa keluarga Sundaram yang menyebabkan kematian isteri dan cucunya. Radha dan Sivamani bersatu semula. Akhirnya Sundaram berpindah tinggal bersama kakaknya.

Isi – perlu membincangkan isi kebaikan dan keburukan.

- (i) Bertanggungjawab sebagai seorang bapa; melaksanakan tugas dengan baik.  
(ii) Kedua-dua anaknya diberikan pendidikan yang tinggi sehingga masuk universiti; boleh berdirikari dalam kehidupan.  
(iii) Mencurahkan sifat kasih sayang kepada kakak, cucu, sahabat dan jururawat yang mengambil berat tentang kesihatannya.  
(iv) Tidak memberi nasihat kepada anak perempuan dan suaminya; gagal mengubah sikap boros mereka.

Penutup – Pengajaran yang diperolehi.

Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini telah memperoleh markah yang baik kerana sifat-sifat watak adalah jelas. Watak Sundaram digambarkan sebagai watak statik, watak ini tidak mengalami sebarang perubahan mengikut arus perkembangan cerita. Ia digambarkan terus dengan pendiriannya atau tingkah laku yang ditonjolkannya dari awal hingga akhir cerita. Apabila calon menghuraikan untuk menentang konsep 'tidak bertanggungjawab' mereka menganalisis segala kebaikannya. Usaha ini baik. Isi yang diolah secara teratur seiring dengan perkembangan cerita. Konteks cerita diselitkan untuk membuktikan kebaikan watak protagonis ini.

### Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan dengan bukti *mode* pemikiran watak Radha berlandaskan satu perbualan yang dipetik daripada novel *Anthima koalam* (muka surat, 6). Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pendahuluan – pengarang bernama R. Karthigesu; bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia ini telah menghasilkan banyak novel; 'Tiada yang kekal' ialah tema novel.

Sinopsis novel – Sundaram dan isterinya Janaki mewakili ibu bapa yang tradisional. Anak mereka Radha dan suaminya, Sivamani mewakili ibu bapa yang moden. Rumah tangga tradisional kekal kerana sifat kesayangan dan kebahagiaan. Tetapi rumah tangga anaknya, Radha bersama suaminya, Sivamani tidak bahagia dan bermasalah. Walaupun mereka telah bercinta sebelum berkahwin, sifat dan tidak mahu bertolak ansur menyebabkan keretakan dalam keluarga. Mereka berpisah dan anak mereka dibiarkan di bawah penjagaan datuk neneknya. Pada masa yang sama, Sundaram menghidap penyakit kanser. Penderitaan menimpa keluarga Sundaram yang menyebabkan kematian isteri dan cucunya. Radha dan Sivamani menyedari kesilapan mereka dan bersatu semula. Sundaram pula tinggal bersama kakaknya.

- Isi – (i) Radha dan Sivamani selalu bertengkar kerana tiada sifat bertolak ansur. Suatu hari Radha mengambil keputusan untuk berpisah dengan suaminya. Beliau terus membawa anaknya ke rumah bapanya. Tidak berfikir dan membuat keputusan dalam keadaan gopoh.
- (ii) Walaupun Sivamani tidak melayan isterinya dengan baik, keputusan yang diambil oleh Radha menggambarkan sifat mementingkan diri sahaja.
- (iii) Radha merupakan seorang graduan universiti. Ilmu yang ada pada dirinya harus digunakan untuk berfikir panjang sebelum tindakan drastik. Sifat tidak menghormati antara satu sama lain.
- (iv) Anaknya dibiarkan di rumah bapanya dan melarikan diri bersama pemuda Eropah ke London. Hanya sifat angkuh dan mememtingkan diri. Tidak menghiraukan tentang masa depannya.

Penutup – Radha digambarkan sebagai wanita moden. Hanya budaya boleh memberikan kehidupan yang bahagia. Pendidikan sahaja tidak dapat menjamin kesejahteraan.

Sebahagian calon sahaja memilih untuk menjawab soalan ini. Calon mengetahui bahawa Radha bukanlah watak jahat atau antagonis. Beliau ialah watak dinamik, di mana tingkah lakunya boleh berubah-ubah sama ada dalam situasi yang kurang baik kepada yang lebih baik atau sebaliknya. Watak ini digambarkan penuh bertenaga dan biasanya mengalami perubahan mengikut perkembangan cerita. Isi yang dibincangkan semuanya berkisar pada tindakan gopoh yang membawa padah. Konteks yang tepat ditulis untuk menguatkan perbincangan isi itu. Umumnya prestasi pada tahap sederhana sahaja.

# BAHASA TAMIL 912/3

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 498 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 55.41% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.63	5.02	8.43	10.64	7.83	7.03	7.83	11.04	9.24	10.04	14.26

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Dalam bahagian A, calon diberikan tiga soalan esei. Calon dikehendaki memilih satu daripada tiga soalan yang diberikan. Calon perlu menulis esei yang panjangnya antara 450 hingga 500 patah perkataan. Markah penuh bagi soalan ini ialah 50 markah. Keseluruhannya prestasi calon adalah pada tahap sederhana. Dua kumpulan calon dikenal pasti berdasarkan jawapan mereka. Pertama, calon berprestasi tinggi dengan markah 30 hingga 35 markah. Hal-hal positif yang diperhatikan dalam kalangan calon adalah memahami kehendak soalan; menulis isi yang mencukupi, menjawab dengan tepat dan betul, menyertakan isi dengan contoh, data dan bukti yang sesuai. Di samping itu, konstruksi ayat yang betul, kemahiran menggunakan tatabahasa, kesalahan ejaan secara minimum dan menulis jumlah patah perkataan yang dikehendaki. Kedua, calon yang berprestasi sederhana. Isi yang diberikan sering kali tiada huraian yang lengkap. Ada kalanya isi yang ditulis itu bertindih atau konsep diulangi. Jumlah isi juga tidak mencukupi. Satu masalah ialah calon tidak menguasai nahu bahasa Tamil. Banyak kesalahan dalam pembinaan ayat dan kesalahan ejaan dikesan. Secara keseluruhannya, calon sederhana ini mempunyai masalah dalam aspek penjanaaan idea, aspek teknikal penulisan karangan dan masalah penguasaan kosa kata yang terhad. Penulisan esei disemak berdasarkan lima aspek, iaitu isi, tatabahasa, struktur bahasa, gaya bahasa, dan kematangan pemikiran. Kebanyakan calon memberikan lima isi. Dalam penyampaian isi, ada kalanya pembahagian perenggan tidak seimbang. Apabila isinya dapat dibincangkan dengan baik, perenggan terlalu panjang. Sebaliknya, semasa isi tidak dapat diperkembangkan perenggan pendek. Perkara ini menjejaskan markah calon. Dalam aspek tatabahasa, masalah ketara ialah penggunaan kata untuk membezakan antara benda yang hidup (*uyarthinai*) dengan benda yang bukan hidup (*akrinai*). Kata kerja sewaktu merujuk kepada lelaki (*avan*) perlu berbeza dengan perempuan (*aval*). Masalah juga berlaku apabila menulis subjek tunggal (*orumai*) dan jamak (*panmai*). Calon menghadapi masalah untuk menentukan subjek tunggal dengan predikat tunggal, dan subjek jamak dengan predikat jamak. Dalam aspek struktur bahasa, kesalahan perbendaharaan kata, struktur ayat, imbuhan, tanda baca dan ejaan diperhatikan. Esei calon ada mengandungi perbendaharaan kata yang kurang tepat. Perbendaharaan kata merupakan aspek yang sering dinilai kerana bagi mengenal pasti sama ada memenuhi kriteria penggunaan bahasa yang baik. Istilah mengenai sesuatu unsur hanya diterjemahkan dari bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sedangkan istilah sebenar wujud dalam bahasa Tamil. Struktur ayat bahasa Tamil ialah SOV (subjek + objek + kata kerja)

sering ditulis salah kerana pengaruh daripada struktur ayat bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, iaitu SVO (subjek + kata kerja + objek). Struktur ayat yang baik penting untuk memahami maksud dan isi yang ingin disampaikan. Penggunaan imbuhan dalam kata perlu digunakan secara betul supaya maksud kata dapat disampaikan secara bermakna. Tanda baca tidak patut dibubuh sesuka hati kerana perlu diletakkan di tempat-tempat tertentu dalam ayat berdasarkan tujuan dan kesesuaiannya. Banyak kesalahan ejaan yang dilakukan menyebabkan calon mendapat markah yang rendah.

Dalam bahagian B, kebanyakan calon menjawab kedua-dua soalan dengan baik. Soalan panjang dijawab dengan rujukan-rujukan puisi yang sesuai. Bagi soalan konteks, calon berjaya mengesan makna sebenar yang tersirat dalam puisi tradisional tetapi dua perkara yang dikesan agak lemah, iaitu menulis peristiwa yang membawa kepada ucapan puisi itu dan makna luas dalam puisi yang berkait dengan perjalanan cerita.

Dalam bahagian C pula, semua calon berjaya menulis sinopsis cerpen dengan baik. Calon dapat menulis isi-isi yang logik yang berkaitan dengan cerpen. Watak utama dan watak-watak sampingan juga disentuh. Soalan ketujuh kurang difahami oleh calon. Jawapan tidak mengaitkan konsep 'berdikari' dengan tema cerpen. Calon lebih gemar menceritakan penglibatan watak utama dalam perniagaan tanpa menyebut konsep berdikari.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### **BAHAGIAN A: Esei**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang peranan kesusasteraan membantu melahirkan nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar. Dua perkara yang perlu difahami oleh calon sebelum menjawab ialah definisi kesusasteraan dan maksud nilai-nilai moral. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti berikut:

Pengenalan – Maksud nilai-nilai moral dan definisi kesusasteraan diterangkan; kaitkan moral dengan kesusasteraan.

- Isi – (i) Sastera memperluas nilai perikemanusiaan; jelaskan erti kemanusiaan dan berikan contoh dari teks sastera; contoh: Raja-raja sebagai penderma daripada buku *Purananuru*; Koplek berkaitan dalam teks etika *Tirukkural*.
- (ii) Akhlak yang tinggi dan mulia mengukuhkan peribadi pelajar serta mewujudkan sifat bersusila lagi sopan; contoh: Novel berjudul *Akal Vilakku* dan teks etika seperti *Naladiyar*.
- (iii) Meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar; peribahasa "bersatu teguh bercerai roboh" daripada teks *Palamozhi Nanuru*.
- (iv) Mengekalkan persahabatan antara pelajar; contoh: watak Karnan dalam *Mahabharata*; Pujangga bernama Avvaiyar bersama raja Athiaman.
- (v) Mendukung budaya yang merujuk kepada tradisi, adat dan perlakuan seseorang; Genre novel, cerpen, drama dan puisi boleh dirujuk.

Penutup – Pendidikan sastera sangat relevan; Sastera sebagai cermin masyarakat.

Jawapan yang diberikan secara langsung telah menepati kehendak skema pemarkahan. Jawapan mengandungi pengenalan, lima isi dan penutup yang baik. Huraian isi adalah sangat baik. Rujukan daripada teks sastera tertentu mengenai isi yang dibincangkan adalah tepat dan betul. Gaya bahasa dan pengolahan isi adalah baik. Sebahagian calon lemah menghadapi masalah dalam penulisan. Perbincangan tentang nilai

dibawa oleh sastera tidak diutamakan. Malah mereka menerangkan aneka jenis nilai moral sahaja tanpa menghubungkan kaitkan dengan teks sastera. Jumlah perkataan tidak mencukupi dan pengolahan isi tercacat kerana ketandusan idea.

## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menganalisis langkah-langkah mengutamakan makanan tradisional daripada makanan segera. Calon perlu memahami perbezaan antara makanan tradisional dengan makanan segera terlebih dahulu. Antara isi yang sesuai dengan tajuk esei ini adalah seperti berikut:

Pengenalan – Menerangkan apakah itu makanan tradisional dan makanan segera; faedah makanan tradisional dan bahaya makanan segera disebut secara am.

- Isi – (i) Ibu bapa mesti menggalakkan anak-anak makan makanan tradisional sejak awal lagi; masakan makanan tradisional hendaklah diutamakan di rumah.
- (ii) Buku-buku teks di sekolah dimuatkan dengan maklumat tentang kebaikan dan khasiat makanan tradisional; memupuk minat di peringkat muda.
- (iii) Media massa perlu memberi ruang untuk menerangkan kelebihan makanan tradisional; resipi makanan itu boleh disiarkan.
- (iv) Adakan pertandingan masakan tradisional; hadiah lumayan boleh disediakan untuk mendorong ramai peserta mengambil bahagian.
- (v) Sesi berdialog bersama pakar-pakar nutrien boleh dirancangkan; bincang tentang keburukan makanan segera dan kelebihan mengamalkan makanan tradisional.

Penutup – Makanan seimbang boleh menjamin kesihatan; tenaga dan khasiat terkandung dalam masakan tradisional.

Kebanyakan calon memahami kehendak soalan dengan jelas. Calon dapat membezakan antara makanan tradisional dengan makanan segera. Calon dapat menganalisis kelebihan pada makanan tradisional dan menyenaraikan pelbagai makanan tradisional yang terdapat di Malaysia. Perbincangan berkisar pada pelbagai faedahnya dan hanya menyebut kesan paling buruk dalam pengambilan makanan segera yang menyebabkan seseorang itu mengalami penyakit-penyakit kronik. Pengolahan isi adalah baik. Lima isi ada dicatat. Jawapan lemah yang ditulis oleh segelintir calon hanya mengandungi perbincangan tentang keburukan makanan segera. Kegagalan mereka menganalisis makanan tradisional telah menyebabkan jawapan calon salah. Senarai makanan segera dicatat dan banyak isi seperti makanan segera banyak aditif, lemak berlebihan, tiada zat, kelebihan gula dan sebagainya. Isi yang diperlukan adalah kelebihan makanan tradisional. Calon tidak membaca soalan dengan teliti. Banyak istilah tentang makanan segera hanya diterjemahkan dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil.

## Soalan 3

Tajuk esei ini menghendaki calon menjelaskan cara memupuk kesedaran masyarakat berkenaan aktiviti *scam* (penipuan) yang semakin berleluasa. Calon perlu mengetahui makna *scam* dan jenis-jenis *scam* yang baharu. Antara isi yang sesuai dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

Pengenalan – Kemajuan sains di samping kebaikan ada juga membawa kesan buruk. Maklumat dan alat komunikasi yang moden telah menyebabkan peningkatan *scam*.

- Isi – (i) Jangan menjawab panggilan telefon dari nombor yang kelihatan aneh terutamanya panggilan dari luar negara; dapatkan maklumat pemanggil sebelum menjawab telefon.

- (ii) Penipuan peraduan atau hadiah berlaku apabila penipu menghubungi mangsa dan memberitahu bahawa mereka telah memenangi hadiah besar, tetapi mereka perlu membayar sejumlah wang untuk menuntut hadiah tersebut.
- (iii) Sentiasa patuh kepada nasihat yang diberikan tentang *scam* oleh pihak polis dan jabatan multimedia.
- (iv) Berhati-hati dengan *scam* cinta. Penipuan cinta adalah sangat peribadi kerana mangsa dipengaruhi oleh ciri percintaan dalam penipuan
- (v) Pelbagai kempen, iklan, pengumuman, seminar dan usaha patut dilakukan kerajaan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat, siarkan melalui media massa cara-cara untuk mengesan dan mengelakkan daripada penipuan.

Penutup – Anda boleh membantu mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan di Malaysia.

Jawapan yang baik mengandungi penyenaian pelbagai *scam* dan mod operasinya. Peranan dan penggunaan ICT terhadap *scam* juga ditulis. Di samping menyebut beberapa *scam* yang telah berleluasa kini, calon perlu mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menyedarkan rakyat tentang bahaya dan cara-cara menyelamatkan diri daripada penipuan ini. Calon dapat memberikan contoh-contoh yang konkrit mengenai *scam* daripada sumber yang dibaca. Mereka juga mengkaji bagaimana masalah ini timbul. Kelemahan calon dikesan apabila langkah-langkah yang sesuai untuk menghalang gejala *scam* tidak disentuh. Calon lebih gemar menulis *scam-scam* yang dibaca sahaja. Kelemahan yang dapat diperhatikan ialah kekurangan isi dan cara pengolahan dibuat itu kurang jelas. Calon gemar menyebut keburukan ICT tanpa menjawab soalan pokok iaitu menyedarkan rakyat terhadap *scam*.

## **BAHAGIAN B: Kesusasteraan Tamil Pertengahan/Etika**

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon menganalisis makna yang terkandung dalam sepuluh koplet di bawah tajuk *Pugal* atau kemasyhuran. Calon perlu menggambarkan teknik yang dianuti oleh pujangga karya ini. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pendahuluan – Nyatakan maklumat jumlah koplet dalam karya tersebut iaitu 1330. Terdapat tiga bahagian besar yang meliputi 133 bab. Tema utama ialah *akam* (dalaman) dan *puram* (luaran).

Isi – Tajuk *Pugal* dibahagi kepada empat maksud:

- (i) Bersedekah fakir satu kemuliaan (Koplet 1 – 3)
- (ii) Keagungan jiwa (Koplet 4 – 5).
- (iii) Penghinaan kerana tidak memberi sedekah (Koplet 7 – 9).
- (iv) Kehidupan sempurna (Koplet 10).

Analisis hendaklah dibuat berdasarkan pembahagian ini.

Penutup – Kelebihan tajuk ini kepada individu dan masyarakat.

Calon yang membahagi perbincangan itu kepada empat unsur tersebut menulis jawapan yang baik. Di samping mengulas maksud, mereka juga mencatat contoh baris puisi koplet untuk menyokong tafsiran yang dibuat. Terdapat usaha untuk merujuk pernyataan peribahasa, kata-kata hikmat dan puisi dari sumber lain. Jawapan yang lemah wujud kerana calon cuba memasukkan semua sepuluh koplet dalam perbincangan. Cara ini tidak berhasil kerana masa yang diberikan untuk soalan tidak mungkin membantu mereka. Terdapat juga calon tidak dapat melengkapkan koplet yang diberi sebagai bukti.

### Soalan 5

Soalan konteks ini terdiri daripada empat bahagian kecil. Semua soalan kecil ini berhubung dengan dua baris puisi yang dipetik daripada teks *Tevaaram*. Butiran tentang teks, insiden yang menyebabkan pertuturan tersebut; maksud dan mesej yang disampaikan, cara-cara untuk mengatasi penderitaan yang dialami manusia perlu dijawab. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Butiran Teks	Tevaaram 7; Thiruvennai Nallur; Cuntarar
Insiden yang menyebabkan puisi ini	Semasa upacara perkahwinan berlangsung, seorang tua menghalang dengan mengatakan pengantin lelaki ialah hambanya kerana nenek moyangnya telah menyerahkan keluarga warisannya sebagai hamba melalui surat perjanjian. Pengantin lelaki itu bertengkar, dan akhirnya orang tua membuktikan kesnya. Ketika itu puisi ini ditutur.
Maksud	Sehingga saya berdoa, tuhan akan tetap membantu mengatasi penderitaan saya merupakan maksud tersurat.
Cara penghapusan penderitaan	(i) Manusia terdedah kepada perbuatan baik dan buruk – boleh mengatasi mala petaka. (ii) Keangkuhan, perbuatan (karma) dan maya menyebabkan penderitaan – mengatasi tiga perkara ini menghapus penderitaan. (iii) Manusia sering menjadi hamba pancainderanya – mengawal keliaran pancaindera boleh memusnah segala kesusahan. (iv) Kegagalan untuk berfikir secara rasional menyebabkan kesusahan – tajamkan fikiran.

Bahagian kecil (a), (b) dan (d) dijawab dengan tepat. Calon boleh mencatat segala butiran tentang teks dan menulis insiden secara kronologi. Calon mengenal pasti cara-cara mengatasi penderitaan dengan jelas. Hanya segelintir calon tidak dapat meneka mesej yang disampaikan dalam penghuraian maksud. Calon juga tidak mahir mengaitkan peristiwa dengan puisi secara teratur. Maksud puisi yang diutarakan itu terlalu umum dan makna tersirat jarang diterangkan.

### BAHAGIAN C: Kesusasteraan Tamil Moden - Cerpen

#### Soalan 6

Soalan ini dipetik daripada cerpen yang bertajuk “Iraikal” yang menceritakan tentang kehidupan masyarakat India di estet. Soalan ini menghendaki calon menerangkan permasalahan yang dihadapi oleh watak Letchumi, seorang bukan warganegara yang memiliki kad pengenalan merah. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

#### Pengenalan

Penulis – C.Muthusamy; mendapat banyak hadiah dalam dunia genre cerpen; tema ialah kesengsaraan hidup.

Sinopsis cerpen – Letchumi menjalani satu penghidupan sengsara kerana memiliki kad pengenalan merah. Dia menjadi janda apabila suaminya yang kaki botol telah meninggal dunia. Seorang kerani ladang yang mewakili majikan sentiasa memberi tekanan kepadanya. Letchumi tidak dapat mendirikan rumah tangga untuk kali kedua, walaupun Krishnan yang dicintainya sanggup berkahwin. Banyak usahanya untuk memulihkan keadaan tetapi gagal. Akhirnya beliau menjadi mangsa kepada tekanan dan nafsu majikan.

- Isi – (i) Tiada dokumen yang relevan untuk memohon warganegara. Hanya dapat kad pengenalan merah yang perlu diperbaharui permit dengan kelulusan majikan.
- (ii) Kematian suami dan anak yang ramai menyukarkan kehidupan Letchumi. Tidak mempunyai kerja yang tetap kerana memiliki kad pengenalan merah.
- (iii) Tidak dapat mendirikan rumah tangga dengan lelaki pilihan kerana dihalang oleh majikan dan kerani estet.
- (iv) Untuk menyelamatkan diri dan menjaga anak-anaknya, beliau terpaksa akur dengan tekanan tersebut.

Penutup – Sijil kewarganegaraan sangat penting dan perlu fasih bercakap bahasa Malaysia.

Calon mengetahui perjalanan cerita dengan jelas. Kemahiran menganalisis cerpen adalah sangat baik. Calon mengetahui elemen-elemen seperti konteks, lokasi, perwatakan, plot dan tema cerita untuk merangka isi dengan baik. Jawapan yang baik mengandungi empat aspek yang diperlukan.

### Soalan 7

Soalan ini dipetik daripada cerpen yang bertajuk “Pillaiyar Suli” yang menceritakan bagaimana seorang belia ‘Berdikari’ dan berjaya dalam perniagaan. Calon dikehendaki menerangkan tema ‘Berdikari’ yang didukung oleh watak utama. Contoh jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pengenalan

Penulis – P. Govindasamy; seorang guru Tamil yang telah menghasilkan banyak cerpen dan mempunyai pengalaman luas; tema ialah Berdikari.

Sinopsis cerpen – Seorang pemuda yang gagal PMR sedang bekerja di sebuah syarikat. Suatu hari pemuda ini dimarahi kerana datang lewat untuk bekerja. Watak ini berhenti kerja, dan cuba berniaga dengan menjual belon kepada kanak-kanak. Pada awalnya keuntungannya sedikit sahaja, tetapi makin lama minatnya meningkat untuk berniaga.

- Isi – (i) Kerja biasa dengan gaji kecil sahaja dapat diperolehi kerana tiada kelulusan PMR. Berminat untuk mencuba sektor lain.
- (ii) Satu ketika semasa membeli belon untuk adiknya, watak ini ingin menceburkan diri dalam perniagaan. Dengan modal yang kecil, perniagaan ini boleh diterokai.
- (iii) Pada awalnya dia membeli sedikit belon dan menjualnya dengan keuntungan yang sedikit. Kemudian, jumlah belon dibeli meningkat dan menjual di beberapa kawasan perumahan.
- (iv) Sifat berdikarinya dipuji oleh ayahnya. Kini penjualan belon meningkat dan mendapat keuntungan RM900 sebulan.

Penutup – Belia tetap boleh maju jika menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Taraf hidup tetap maju.

Calon menyedari watak utama cerpen ini mempamerkan pemikiran dan aksi yang berkualiti. Watak utama ini menjadi fokus dalam cerita dan menjadi penggerak utama cerita. Calon mengidentifikasi watak utama sebagai cergas, menghormati bangsanya dan sentiasa mencari peluang untuk mengubah kedudukannya. Calon secara kronologi menghuraikan tindakan watak dinamik ini. Beberapa perbualan daripada teks cerpen dimasukkan semasa hujah-hujah yang diberikan. Perbezaan antara watak dalam cerpen dengan watak novel boleh difahami. Keseluruhannya prestasi calon adalah baik.